

**NO. SOALAN: 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 19 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10594**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah status siasatan polis berkenaan klip video yang menunjukkan pegawai SPRM yang berpangkat tinggi di Bali bersama seorang gadis, sejak Peguam Negara Malaysia menyerahkan balik fail kepada polis buat kali ketiga pada November 2017.**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Pihak polis telah menjalankan siasatan berkaitan penyebaran video yang dimuat naik dalam media sosial yang mendakwa Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad yang mempunyai hubungan sulit dengan isteri orang. Kes diklasifikasikan di bawah seksyen 498 Kanun Keseksaan (memikat atau membawa pergi atau menahan seorang perempuan yang bersuami dengan niat jenayah).**

**Kertas siasatan telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara pada 17 Oktober 2017 dan pada 30 Oktober 2017. Kertas siasatan tersebut telah dikembalikan semula untuk pihak polis melengkapkan siasatan. Kertas siasatan telah dirujuk kembali dengan hasil siasatan PDRM dan telah diputuskan bahawa tiada keterangan setakat ini yang menjurus kepada elemen di bawah Seksyen 498 Kanun Keseksaan.**

**SOALAN ( 59 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU  
NAIDU [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 19 MAC 2018 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan sosio ekonomi negeri Perak dari segi jumlah kemiskinan, pengangguran, pendapatan per kapita, pelaburan asing dan jumlah penghijrahan pekerja-pekerja ke negeri dan negara lain. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan penghijrahan pekerja tempatan dan menambahkan peluang pekerjaan di Perak.

127

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, statistik insiden kemiskinan dan pendapatan per kapita negeri diperoleh melalui Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Berdasarkan penyiasatan tersebut, pada tahun 2014 terdapat 0.7 peratus isi rumah di negeri Perak berpendapatan di bawah pendapatan garis kemiskinan purata. Manakala pada tahun 2016, terdapat 0.2 peratus isi rumah di negeri Perak berpendapatan di bawah pendapatan garis kemiskinan purata.

Pendapatan isi rumah per kapita bulanan penengah Perak meningkat sebanyak 12.2 peratus berbanding 2014. Manakala pendapatan isi rumah per kapita bulanan purata Perak pada tahun 2016 juga meningkat sebanyak 10.4 peratus berbanding 2014.

Selain itu, Survei Migrasi juga dilaksanakan bagi menyediakan anggaran pergerakan penduduk di peringkat negeri. Survei ini ialah

kajian berkebarangkalian yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah berdasarkan garis panduan dan syor oleh *United Nations* dengan merujuk kepada *Manuals on Methods of Estimating Population, Manual VI: Methods of Measuring Internal Migration*. Berdasarkan survei tersebut, bilangan migran keluar dari Perak pada 2015-2016 adalah 18,000 orang. Manakala, bilangan migran masuk ke Perak adalah 8,200 orang.

Secara umumnya, KDNK Per Kapita mengukur kesejahteraan ekonomi penduduk di sesebuah negara atau negeri. KDNK Per Kapita Negeri Perak pada 2016 adalah RM27,246 berbanding RM25,451 pada 2015.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018